

13/09/2003

Membentuk negara perdagangan global

Dr Mahathir bin Mohamad

MOMENTUM pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan, walaupun dalam persekitaran luar yang sukar, berikutan ketegangan geopolitik dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS). Pertumbuhan ekonomi separuh kedua pertama 2003 telah mencatatkan kadar yang lebih kukuh sebanyak 4.5 peratus berbanding 2.6 peratus dalam tempoh yang sama tahun 2002. Tindakan pantas kerajaan untuk mengambil inisiatif dan merangka langkah dasar, terutamanya dengan melaksanakan Pakej Strategi Baru, telah menyumbang kepada pengembangan pesat aktiviti ekonomi dalam negeri. Pertumbuhan tinggi ini yang dicapai dalam suasana inflasi yang rendah serta rizab antarabangsa yang meningkat, telah memantapkan lagi asas ekonomi makro. Dengan ini, negara pasti dapat mencapai matlamat pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus pada tahun 2003.

Dengan prospek pemulihan ekonomi global serta momentum pertumbuhan ekonomi negara yang lebih kukuh, sektor swasta mesti kembali menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi. Mereka perlu meneroka sumber pertumbuhan domestik dan membangunkan aktiviti ekonomi yang lebih pelbagai, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pertanian. Di samping itu, mereka perlu menggandakan usaha untuk menambah aktiviti value creation bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan tempatan yang berkualiti tinggi. Usahawan negara mesti membangunkan jenama tempatan dengan menggunakan input dan komponen dalam negeri, yang dapat bersaing di pasaran global. Kita perlu berusaha lebih gigih untuk menjadi sebuah negara perdagangan yang berjaya, mampu mengeksport barangan dan perkhidmatan kita sendiri.

Dasar fiskal dan monetari akan terus menyokong sektor swasta untuk menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menyediakan infrastruktur dan insentif yang diperlukan untuk merangsang lagi inisiatif sektor swasta bagi menjana aktiviti ekonomi dalam negeri. Langkah juga telah diambil untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan delivery system, bertujuan untuk mewujudkan suasana mesra perniagaan di samping membantu sektor swasta mengurangkan kos kendalian perniagaan. Oleh yang demikian, sektor swasta mesti merebut kesemua peluang yang boleh mengukuhkan lagi daya tahan dan meningkatkan daya saing mereka untuk menjadi global players yang berjaya di pasaran antarabangsa.

Selaras dengan prestasi ekonomi negara yang lebih tinggi, semua lapisan rakyat Malaysia telah memperolehi peningkatan pendapatan serta menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Kejayaan dan kemakmuran serta keamanan dan kestabilan yang telah dikecapi selama ini, tidak akan tercapai tanpa sokongan teguh dan padu oleh rakyat kepada Kerajaan, seperti yang dapat disaksikan semasa Perayaan Kemerdekaan ke 46 di seluruh negara baru-baru ini.

Laporan Ekonomi 2003/2004 merupakan jilid ke32 dalam siri penerbitannya. Laporan ini menyediakan penilaian prestasi semasa dan prospek ekonomi bagi tahun 2004 serta tindakan dasar Kerajaan berkaitan dengan isu dan cabaran ekonomi dan sosial. Saya ingin merakam penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dan penerbitan Laporan ini.

Dr. Mahathir bin Mohamad

Menteri Kewangan

Putrajaya

12 September 2003